

14 SEP 2001

Mahathir-Ekonomi

M'SIA MUNGKIN AMBIL LANGKAH FISKAL SEKALI LAGI

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan yang Malaysia akan sekali lagi mengambil langkah-langkah fiskal untuk merangsangkan ekonominya.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan terjejas oleh kelemahan ekonomi Amerika Syarikat yang mungkin berterusan berikutan serangan pengganas terhadap negara itu baru-baru ini.

"Kita sedang mengkaji pengambilan langkah ini dengan serius," katanya kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan Amerika di sini hari ini berikutan serangan nekad yang memusnahkan World Trade Centre (WTC) di New York dan Pentagon di Washington pada hari Selasa lepas.

Beliau telah ditanya sama ada Malaysia akan menggunakan langkah-langkah fiskal untuk merangsangkan ekonomi.

Pada Mac lepas Dr Mahathir telah mengumumkan pakej rangsangan fiskal bernilai RM3 bilion sebagai peruntukan tambahan kepada belanjawan 2001 berjumlah RM28 bilion dalam usaha menangani kesan negatif ekonomi AS.

Antara rancangan di bawah pakej itu ialah projek infrastruktur seperti sekolah, kolej dan universiti baru, tetapi para pegawai mengatakan masih terlalu awal untuk melihat pulangan hasil daripada pakej rangsangan itu.

Dr Mahathir berkata ekonomi Malaysia begitu "rapat tertambat" dengan AS dan "insiden berkenaan boleh mengalih perhatian daripada perdagangan dalam erti kata sebenarnya kepada perkara berkaitan keselamatan."

Beliau berkata "ekonomi AS akan menderita dan kita juga akan merasa kesannya."

Eksport Malaysia ke AS meningkat sebanyak 13 peratus kepada RM11.5 bilion untuk tempoh dua bulan pertama tahun 2001.

Dalam tahun 2000, jumlah perdagangan Malaysia-AS dianggarkan bernilai RM120 bilion.

Amerika Syarikat menguasai 18.7 peratus perdagangan global Malaysia, dengan 37.7 peratus daripada jumlah itu terdiri daripada produk getah, 31.6 peratus pakaian dan tekstil, 29.3 peratus optik dan produk saintifik, 26.8 peratus produk elektrik dan elektronik, 19.0 peratus produk kayu dan 10.5 peratus eskport getah mentah.

Sementara itu, di Pasir Puteh, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata Malaysia telah menubuhkan pasukan khas untuk memantau kesan-kesan yang mungkin timbul berikutan serangan ke atas AS supaya ia tidak memberi kesan buruk terhadap ekonomi negara.

Beliau berkata pasukan khas itu akan mengadakan perjumpaan setiap hari dengan wakil kerajaan, swasta termasuk persatuan-persatuan perniagaan luar negara dan persatuan perniagaan Amerika di Malaysia.

Bagaimanapun beliau berkata Malaysia tidak banyak terjejas berikutan perkembangan itu kerana sistem kewangan berfungsi dengan baik terutama penetapan nilai ringgit RM3.80 berbanding dollar Amerika banyak membantu menstabilkan keadaan.

Bursa Saham Kuala Lumpur mengakhiri sesi pagi urus niaga pada 641.52, susut 23 mata.

-- BERNAMA

SHO MR AA NMO